



29 Disember 2014
29 December 2014
P.U. (A) 350

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 3) 2014

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(FEDERAL ROADS) (NO. 3) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 3) 2014**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 540/2014 yang disiarkan pada 9 Disember 2014, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Menteri Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam seksyen 70 Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 3) 2014**.

- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1) <i>Bahagian Jalan</i>	(2) <i>Arah</i>	(3) <i>Tempoh</i>
1. Lebuh Raya Utara Selatan Hubungan Tengah (jalan hubungan ke Putrajaya dan Cyberjaya) dari Plaza Tol Putrajaya ke arah Cyberjaya dan Putrajaya dari kilometer P1.85 hingga kilometer P3.0 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Plaza Tol Putrajaya ke Cyberjaya dan Putrajaya hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015
2. Lebuh Raya Utara Selatan Hubungan Tengah (jalan hubungan ke Putrajaya dan Cyberjaya) dari Cyberjaya dan Putrajaya ke arah Plaza Tol Putrajaya dari kilometer P3.0 hingga kilometer P1.85 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Cyberjaya dan Putrajaya ke Plaza Tol Putrajaya hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015